



قجابت بسر
مجلس دائره تڠكك

PEJABAT BESAR,
MAJLIS DAERAH TANGKAK
84900 Tangkak, Johor

Telefon : 06 - 978 1261 / 978 2226
No. Faks : 06 - 978 2670 / 978 5741
Emel : mdtgk@johor.gov.my
Laman Sesawang : <http://www.mdtangkak.gov.my>

Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab

Di Letakkan di papan notis pada : **13.06.2022**

**KENYATAAN TAWARAN
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**


1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor yang berdaftar di Majlis Daerah Tangkak, serta memiliki Sijil-sijil di bawah **Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK)** iaitu **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SSPK)** oleh CIDB, **Sijil Perakuan Kerja Kerajaan (SPKK)** oleh CIDB, **Sijil Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** oleh PKK dalam Gred dan Kategori dan telah dibuat pendaftaran dengan JCCD yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja sebagaimana berikut:-

Bil Sebutharga	Butiran Tawaran / Tajuk Kerja	Gred	Kategori / Pengkhususan	Harga (RM)
MDT 13-2/29	Kerja- Kerja Cantasan Dan Penebangan Pokok Teduhan Serta Kerja- Kerja Berkaitan Di Sepanjang Jalan Muar Bermula Dari Kolej Matrikulasi Johor (KMJ) Hingga Ke Taman Bandar Baru Tangkak (BBT) Dan Kawasan Sekitar Tangkak, Johor Darul Ta'zim	G1	CE21 (Kerja-kerja am kejuteraan awam)	30.00

2. Dokumen sebutharga akan dijual mulai daripada **13hb Jun 2022 (Isnin)** sehingga **23hb Jun 2022 (Khamis)** dari **8.00 pagi** hingga **4.00 petang** (semasa waktu pejabat) di Jabatan Khidmat Pengurusan, Pejabat Besar Majlis Daerah Tangkak, 84900 Tangkak, Johor. Bayaran bagi dokumen sebutharga hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (money order) atau wang kiriman pos berpaling (postal order), dan dibayar atas nama Ketua Agensi berkenaan. Bagi Jabatan Mengakaun Sendiri, bayaran boleh juga dibuat kepada Ketua Akauntan Jabatan berkenaan. Wang Tunai atau cek tidak boleh diterima selaras dengan ketetapan 1PP-PK2 perenggan 8(iii) (e)(5).
3. Hanya **SEORANG** penyebutharga sahaja dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga. Hanya **PEMILIK ASAL** sahaja dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga. Hanya penyebutharga yang mengikut syarat di atas dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga.
4. Setiap penyebutharga juga hendaklah hadir dengan membawa bersama **salinan lesen Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK)** iaitu **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SSPK)** oleh CIDB, **Sijil Perakuan Kerja Kerajaan**

(SPKK) oleh CIDB, Sijil Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK yang telah **DISAHKAN** bagi tujuan rekod di Pejabat Majlis Daerah Tangkak.

5. Bagi penyebutharga kelas **G2** ke atas adalah **DIINGATKAN** supaya mengemukakan salinan seperti berikut :
- i. **SALINAN LESEN YANG BERKAITAN**
 - ii. **SALINAN PENYATA BANK SYARIKAT BAGI 3 BULAN TERAKHIR YANG DISAHKAN OLEH PIHAK BANK**
 - iii. **SENARAI PENGALAMAN KERJA BAGI PROJEK-PROJEK KERAJAAN TERUTAMANYA BAGI KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DALAM TAHUN SEMASA DAN TAHUN 2021**
6. Semua Dokumen Tawaran yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Khidmat Pengurusan dan juga dibenarkan menghantar secara kurier di Majlis Daerah Tangkak sebelum jam **12.00 tengahari** pada **23hb Jun 2022 (Khamis)**
7. Majlis Daerah Tangkak tidak terikat samada menerima sebutharga terendah harganya atau sebarang tawaran.


(EZLAN FARID BIN MOHD SAID)

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tangkak,
Tangkak.

Tawaran iklan ini dipamerkan di dalam Laman Web Rasmi Majlis Daerah Tangkak
www.mdtangkak.com.my